

UMS, NUS tingkat kerjasama

Khususnya dalam bidang akademik dan penyelidikan marin

UB 17, 12, 13 A2
Oleh **S. CONNIE PEARL SUIL**
utusanborneokk@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan National University of Singapore (NUS) buat pertama kalinya menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi meningkatkan hubungan serta kerjasama dalam bidang akademik dan

dalam bidang penyelidikan marin.

Beliau turut menyifatkan persefahaman itu sebagai lembaran baharu dalam hubungan UMS untuk bekerjasama dengan salah satu universiti terbaik di Asia, iaitu NUS.

"UMS akan melihat peluang-peluang kerjasama yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua universiti.

UMS akan melihat peluang-peluang kerjasama yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua universiti. Saya telah melihat peluang begitu luas dengan kekuatan UMS dalam bidang Marin dan ini terbukti dengan kesanggupan pihak NUS untuk datang menandatangani perjanjian ini.

PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

penyelidikan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata MoU itu menjadi simbol pengiktirafan NUS terhadap kekuatan dan kepakaran UMS khususnya

"Saya telah melihat peluang begitu luas dengan kekuatan UMS dalam bidang Marin dan ini terbukti dengan kesanggupan pihak NUS untuk datang menandatangani perjanjian



HARUN (tengah) berjabat tangan dengan Chou selepas majlis MoU antara kedua-dua universiti terbabit.

ini," katanya pada sidang media selepas majlis MoU antara UMS dan NUS, di Bangunan Canselori UMS, kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Program Pengajian Sarjana Muda Alam Sekitar NUS, Prof Dr Chou Loke Ming berkata Institut Penyelidikan Marin Borneo begitu mendahului bidang sains dalam bidang

sains marin dan akuakultur.

Katanya Sabah mempunyai isu pengurusan pesisiran pantai yang dapat memberi ruang kepada pelajar untuk memahami keadaan sebenar yang tidak terdapat di Singapura.

"Menerusi perjanjian ini, NUS akan memberi fokus kepada kelestarian pesisiran pantai termasuk

kepelbagaian dan kekayaan habitat pesisiran pantai serta cara ia digunakan penduduk, di samping berkaitan isu pengurusan kawasan pesisiran pantai.

"Di Asia Tenggara, kira-kira 70 peratus penduduknya tinggal di kawasan pesisiran pantai dan oleh itu, tekanannya (di kawasan berkenaan) amat tinggi," katanya.